



Abu Al-Mukhtar Sedia Menjawab

Zakat dalam Islam

Dan segala pecahannya

(5)

Dalam keluaran yang lalu telah diterangkan tentang zakat tanaman-tanaman dan kali ini pula ialah tentang zakat benda-benda galian.

5 – Zakat benda-benda galian

Takrif benda-benda galian dan “rikāz” telah dihuraikan oleh keempat-empat mazhab seperti berikut:

Mazhab Shafi'i – berkata: Benda galian itu ialah yang dikeluarkan dari dalam bumi tempat kejadiannya. Benda-benda galian yang dimaksudkan di sini (dan diwajibkan zakatnya) ialah emas dan perak sahaja. Benda-benda galian yang lain, seperti besi, tembaga, timah dan lain-lainnya tiadalah wajib zakatnya. Tiada juga bezanya di antara benda-benda galian yang beku atau yang cair. Benda-benda galian dari emas dan perak itu wajib dikeluarkan zakatnya sebanyak dua setengah peratus, sama seperti zakat emas perak dengan syarat-syaratnya yang telah lalu keterangannya kecuali syarat yang menghendaki supaya genap masa setahun, maka itu tiadalah menjadi syarat di sini. Tetapi ada satu syarat yang lain, iaitu hendaklah benda galian itu didapati dalam tanah yang tidak bertuan atau tanah kepunyaannya sendiri, jika tidak, maka tiadalah wajib zakatnya, kecuali jika benda galian itu didapati pada tanah wakaf yang tertentu, dan benda itu didapati di situ kemudian daripada tanah itu diwaqafkan, maka wajiblah dikeluarkan zakatnya.

Tiada pula disyaratkan benda-benda galian yang dikeluarkan itu cukup nisabnya dengan sekaligus, bahkan kalau ia dikeluarkan sebanyak beberapa kali kemudian disatukan sehingga cukup nisabnya juga wajiblah zakatnya. Masa zakat benda-benda galian itu diwajibkan ialah ketika dia siap dipilih dan dibersihkan, kalau dikeluarkan zakatnya dalam masa ia masih belum bersih tiada sah zakatnya.

Ada pun yang dikatakan “rikāz” pula ialah benda-benda yang telah ditanam oleh orang-orang dahulu kala dalam zaman jahiliah. Zakatnya ialah seperlima (dua puluh peratus), dikeluarkan dengan serta merta sebaik-baik sahaja didapati, dengan syarat-syarat yang muktabar dalam hukum zakat, kecuali (syarat yang menghendaki) genap masa setahun apabila ia telah cukup nisab. Kalau pula seseorang itu mendapatinya di atas permukaan bumi (bukan terpendam di dalam tanah) maka benda itu tidaklah menjadi “rikāz” bahkan telah menjadi “luqathah” (barang yang dijumpai dengan tidak diketahuinya).

Kalau benda itu bukanlah benda yang ditanam oleh orang jahiliah seperti didapatinya mempunyai alamat yang menunjukkan bahawa ia hak orang Islam, maka hukumnya hendaklah dikembalikan kepada tuannya, atau warisnya jika diketahui. Jika tidak, maka benda itu ialah “luqathah”. Demikian juga jika tidak diketahui akan hal benda itu, adakah ia hak orang jahiliah atau hak orang Islam. Jika benda “rikāz” itu didapati di dalam tanah yang ada tuannya, maka ia menjadi hak tuan tanah itu jika ia mendakwanya, jika tidak maka benda itu menjadi hak bagi tuan tanah yang terdahulu memiliki tanah tersebut jika ia diketahui.

Mazhab Hanafi – berkata: Benda-benda galian (logam) dan benda itu didapati di situ kemudian daripada tanah itu pada syarak ialah barang yang didapati di dalam tanah, baik

ia sebagai logam yang dijadikan oleh Allah Ta'ālā,
yang wujud di situ dengan tidak siapa-siapa menaruhnya di tempat
itu, ataupun ia sebagai harta yang terpendam yang telah
ditanam oleh orang-orang kafir. Zakat yang dikeluarkan dari
benda-benda galian dan zakat itu tiadalah dinamakan zakat
menurut hakikat yang sebenarnya, kerana tiada disyaratkan pada
keduanya sebagaimana yang disyaratkan pada zakat.

Benda-benda galian itu pula terbahagi tiga:

Benda yang boleh dileburkan dengan api, benda cair, dan
benda yang tidak boleh dileburkan dengan api dan tidak
pula cair. Benda galian yang boleh dileburkan dengan api
ialah seperti emas, perak, tembaga, besi, dan
timah, dan yang cair pula ialah minyak petrol, dan
sebagainya. Manakala benda yang tidak boleh dileburkan dengan
api dan tidak pula cair itu ialah batu-batu permata.

Benda-benda galian yang boleh dileburkan dengan api
maka zakatnya ialah seperlima (dua puluh peratus) dan
tempat membelanjakan zakatnya ialah pada tempat membelanjakan
seperlima dari harta-harta rampasan perang, yang tersebut di dalam
Qur'an. Dan yang baki setelah dikeluarkan seperlima adalah
terpulang kepada orang yang mendapat benda galian itu juga
didapatinya dalam tanah yang tidak bertuan, seperti padang
pasir dan bukit. Diwajibkan zakatnya sebanyak
seperlima (dua puluh peratus) jika benda galian itu
ada alamat yang menunjukkan dia-dia hak orang Jahiliyah,
tetapi kalau ada alamatnya yang menunjukkan dia hak orang
Islam maka benda itu merupakan barang-barang "luqaṭah"
(barang yang dipungut yang tidak diketahui tuanya) dan
Tiadalah diwajibkan seperlima zakatnya. Kalau
alamat dan bentuknya kesamaran (adakah ia barang-barang

Shaykh Abdul al-Rahman Shibli Sarawak

Shaykh haji di Makkah al-Mukaramah

(Telegram: Shibli Mekah)

(Peti surat nombor 188)

Sedia menyambut dan menjaga segala urusan saudara-saudara di Makkah, di Madinah, di Arafah dan di Mina
dengan sepenuh-penuh puas hati. Tambang dan apa-apa perbelanjaan menurut apa yang ditetapkan oleh kerajaan Saudi
Arabia, yang sentiasa memelihara keselamatan, kesihatan dan kesejahteraan sekalian saudara yang
mengunjungi Tanah Suci, yang sedia teratur perhubungan secara moden dan belanja yang murah.
Bershaykhlah dengan Shaykh Shibli yang berdekatan dengan Masjidil Haram.

Berhubunglah dengan wakil kita:

S. AHMAD MUSTAPHA AL-EDRUS,

d/a 356/358, Geylang Road, Singapore 14.

kepunyaan orang Jahiliyah atau orang Islam) maka hendaklah disifatkan dia barang-barang orang Jahiliyah. Kalau pula didapati dalam tanah yang ada tuannya, maka zakatnya ialah seperlima, dan yang bakinya bagi tuan tanah itu. Barang siapa yang berjumpa di dalam kawasan rumahnya benda galian atau rikāz, maka tiadalah wajib zakatnya yang seperlima itu, dan benda itu menjadi hak milik tuan rumah. Tidak ada bezanya di antara yang menjumpai benda galian atau rikāz itu orang lelaki atau perempuan, merdeka atau hamba ‘abdi, baligh atau kanak-kanak, Muslim atau kafir dhimmi.

Ada pun benda yang cair, seperti minyak petrol dan lain-lainnya, maka tiadalah wajib zakatnya, demikian juga tiada dikenakan zakat pada benda-benda galian yang tidak boleh lebur dan tidak cair, seperti batu-batu permata. Benda-benda yang cair itu dikecualikan raksa, dan jika

didapati raksa hendaklah dikeluarkan zakatnya sebanyak seperlima. Harta-harta terpendam yang mengandungi senjata dan perkakas serta perhiasan, maka wajib dikeluarkan zakatnya seperlima. Benda-benda yang dikeluarkan daripada laut, seperti mutiara, marjan, ikan, dan sebagainya tiadalah dikenakan zakat kecuali benda-benda itu dijadikan barang-barang perniagaan (maka itu akan dikenakan zakat perniagaan).

Mazhab Maliki – berkata: Benda-benda galian atau logam itu ialah benda-benda yang dijadikan oleh Allah Ta‘ālā di bumi seperti emas, perak, tembaga, timah dan belerang. Ia berlainan daripada “rikāz” yang akan diterangkan kelak.

Hukumnya: Wajib dikeluarkan zakatnya jika ia daripada emas, dan perak dengan syarat-syarat zakat yang telah lalu keterangannya seperti merdeheka, Islam, dan cukup nisab. Ada pun tentang masa genap setahun maka itu tiada disyaratkan. Apabila seseorang mengeluarkan benda-benda galian dari emas dan perak yang cukup nisabnya pada sekali atau pada beberapa kali keluar, maka wajiblah dikeluarkan zakatnya.

Benda-benda galian atau logam diwajibkan zakatnya sebanyak dua setengah peratus dan orang-orang yang berhak menerimanya ialah ‘aşnaf yang delapan, kecuali satu jenis yang terdapat dalam benda-benda galian itu yang terkenal dengan “*al-nadrah*” iaitu seketul emas atau perak yang mudah dibersihkan daripada tanah, maka ketul-ketul yang sedemikian itu hendaklah dikeluarkan zakatnya seperlima dan tempat zakatnya ialah tempat mengumpulkan harta-harta rampasan perang, yang dibelanjakan untuk kebajikan am umat Islam. Ini jika belanja mengeluarkannya tidak besar tetapi jika

Khusyukkah Sembahyang Tuan!

“Dalam kita meletakkan dahi di bumi, rasakanlah kehinaan diri bahawa tidak ada harganya” – kata Kiyai Muhammad Hasbi ash-Shiddieqy. Kita manusia tidak ada kekuatan dan tidak ada harga, kerana itu latihlah diri supaya khusyuk di dalam sembahyang. Salah satu caranya bacalah ucapan Kiyai Muhammad ash-Shiddieqy.

Sujudlah kepada Tuhanmu!

Disusun oleh Edrus

Sebuah buku Seriel Syarahan 2 yang diterbitkan oleh Qalam. Senaskah hanya 40 sen sahaja ukuran kecil.

upah mengeluarkannya besar maka zakatnya dua setengah peratus sahaja dan orang-orang yang berhak menerimanya ialah aṣnaf yang delapan, sekalipun ketul-ketul yang tersebut tidak cukup nisab, dan sekalipun orang yang mengeluarkannya (dari dalam tanah) itu ialah orang hamba abdi atau pun kafir.

Ada pun benda-benda galian yang bukan dari emas dan perak, seperti tembaga dan timah, maka tiadalah wajib zakatnya kecuali kalau dia dijadikan barang-barang perniagaan, maka ia akan dikenakan zakat barang-barang kelak.

Tentang “rikāz” pula maka dia ialah harta terpendam yang ditanam oleh orang Jahiliyah dahulu dari emas, perak dan lain-lainnya. Ia dikenali dengan tanda-tanda yang menjadi alamatnya. Jika harta terpendam disyaki adakah ia hak orang Jahiliyah atau orang-orang Islam hendaklah disifatkan sebagai hak orang-orang Jahiliyah, dan wajib dikeluarkan zakatnya sebanyak seperlima, baik zakat itu daripada emas atau perak atau pun lainnya, dan baik orang yang mendapatnya itu Muslim atau lainnya, merdeheka atau hamba abdi. Seperlima itu yang diambil menjadi zakatnya hendaklah disifatkan sebagai harta rampasan perang dan dibelanjakan untuk kebajikan am orang-orang Islam. Tetapi kalau belanja mengeluarkan rikāz (harta terpendam) itu terlalu besar maka zakatnya hanyalah sebanyak dua setengah peratus, sahaja dan diserahkan untuk kebajikan aṣnaf yang delapan. Wajibnya zakat rikāz tidak disyaratkan cukup nisab. Setelah dikeluarkan zakatnya maka yang bakinya adalah menjadi milik tuan tanah yang di dalamnya didapati harta terpendam itu, jika ia telah memilikinya dengan jalan dipusakai, atau dibuka dan ditanami. Kalau pula tanah itu dimilikinya

dengan jalan dibeli atau diberikan orang kepadanya misalnya, maka yang baki setelah dikeluarkan zakatnya adalah menjadi hak milik tuan tanah yang pertama, yang telah menjualkan tanah itu kepadanya, atau orang yang mendapatnya. Kalau pula tanah itu tidak dimiliki oleh siapa-siapa, maka yang baki (setelah dikeluarkan zakatnya) adalah menjadi milik orang yang mendapat rikāz itu.

Ada pun harta terpendam yang telah ditanam oleh orang-orang Islam atau kafir dhimmi, maka itu menjadi hak mereka apabila diketahui akan tuan punya atau warisnya. Kalau tidak diketahui akan orang yang berhak menerimanya, harta benda itu hendaklah dijadikan dia sebagai “*luqatah*” (barang yang dijumpai) dan diberitahu akan perihalnya kepada orang ramai selama setahun (supaya mudah orang yang berhak datang menuntutnya), jika tiada siapa-siapa menuntutnya maka benda itu menjadi hak orang

BUKU2 RUMI

Penerbitan Qalam Yang Terbaru

Kesan Kesusasteraan Tua Di-Tanah Ayer	Oleh: Abdullah B. Haji Musa (Lubis)	\$2.00
Cherita-Cherita Sejarah 1	Oleh: Edrus	\$1.00
Balek dari Medan Perjuangan	Oleh: Ahmad Lutfi	\$1.00
Sisa Neraka Dunia	Oleh Ahmad Lutfi	\$1.20
Bangkai Bernyawa	Oleh: Ahmad Lutfi	\$1.00
Tinjauan Sastera Tanah Ayer	Oleh: Abd. Ghani bin Abbas	\$1.50
Sejarah Perak Dahulu dan Sekarang	Oleh: Abdullah Hj. Musa (Lubis)	\$2.00
Surat Menyurat (chitakan kedua)	Oleh: Edrus	\$2.00

yang mendapat akan dia, kecuali kalau ada tanda-tanda yang menunjukkan bahawa harta benda itu telah terpendam beratus-ratus tahun, sekira-kira tidak dapat diketahui lagi akan tuannya atau warisnya, maka pada ketika itu tidak dikehendaki diisytiharkan atau diberitahu kepada orang ramai akan perihalnya, dan benda itu menjadi sebagai harta benda yang tidak diketahui tuannya, iaitu hendaklah diserahkan kepada Baitulmal dan dibelanjakan untuk kebajikan am orang-orang Islam.

Seperti juga harta terpendam kaum Jahiliyah maka harta benda mereka yang didapati di atas tanah atau di tepi pantai, maka hendaklah dikeluarkan zakatnya seperlima, dan yang

baki terpulung kepada orang yang mendapatnya. Benda-benda keluaran laut seperti mutiara dan marjan tiadalah wajib zakatnya, bahkan menjadi milik orang yang mendapatnya.

Mazhab Hambali – berkata: Benda-benda galian itu ialah benda-benda yang terjadi di dalam bumi, baik yang beku seperti emas, perak, batu belanda, batu akik, tembaga dan batu celak, atau yang cair seperti minyak petrol dan sebagainya. Orang yang mengeluarkan benda-benda dari bumi dan memilikinya, wajiblah ia mengeluarkan zakatnya sebanyak dua setengah peratus, dengan dua syarat, pertama: hendaklah benda itu cukup nisab setelah ia dibersihkan dan dilebur (jika ia emas atau perak) atau pun harganya cukup nisab jika ia selain daripada emas dan perak. Kedua: hendaklah orang yang mengeluarkannya daripada orang-orang yang wajib zakat atasnya. Oleh itu tiadalah diwajibkan zakat kiranya orang itu kafir dhimmi atau kafir dan sebagainya.

Kalu benda galian itu beku atau dikeluarkan dari tanah yang dimiliki maka ia menjadi hak tuan tanah itu walau pun benda itu dikeluarkan oleh orang lain, tetapi ia (tuan tanah) tiadalah diwajibkan memberi zakat melainkan setelah benda galian itu sampai ke tangannya tiada dibolehkan menyatukan sejenis logam dengan jenis yang lain untuk mencukupkan nisabnya, kecuali emas dan perak maka keduanya boleh disatukan untuk mencukupkan nisabnya.

Kalau pula benda galian itu didapati dalam tanah yang tidak bertuan, maka benda itu menjadi milik orang yang mengeluarkannya, dan wajiblah ia memberi zakatnya sebanyak dua setengah peratus, baik benda yang didapati

BUKU2 RUMI

Penerbitan Qalam Yang Terbaru

Kesan Kesusasteraan Tua Di-Tanah Ayer				
Oleh: Abdullah B. Haji Musa (Lubis)	\$2.00
Cherita-Cherita Sejarah 1				
Oleh: Edrus	\$1.00
Balek dai Medan Perjuangan				
Oleh: Ahmad Lutfi			...	\$1.00
Sisa Neraka Dunia				
Oleh Ahmad Lutfi			...	\$1.20
Bangkai Bernyawa				
Oleh: Ahmad Lutfi			...	\$1.00
Tinjauan Sastera Tanah Ayer				
Oleh: Abd. Ghani bin Abbas				\$1.50
Sejarah Perak Dahulu dan Sekarang				
Oleh: Abdullah Hj. Musa (Lubis)	\$2.00
Surat Menyurat (chitakan kedua)				
Oleh: Edrus	\$2.00

Pesan Kepada :

QALAM

356/8, GEYLANG ROAD,
SINGAPURA 14.

itu emas atau perak atau senjata atau pakaian atau lainnya.

Orang yang mendapat kasturi, atau mengeluarkan mutiara atau marjan atau ikan atau lainnya dari laut, maka tiadalah wajib zakatnya sekalipun benda-benda itu cukup nisab.

Ada pun “rikāz” pula maka dia ialah benda-benda yang di tanam oleh orang Jahiliyah atau orang-orang kafir dahulu kala. Benda yang didapati di atas muka bumi yang ada tandanya yang menunjukkan bahawa dia dipunyai oleh orang-orang kafir maka hukumnya ialah seperti hukum “rikāz” juga. Kalau benda itu mempunyai tanda-tanda yang menunjukkan dia dipunyai oleh orang-orang Islam, atau tanda yang menunjukkan benda itu dipunyai oleh orang Islam dan orang kafir, maka benda itu bukanlah dinamakan “rikāz” tetapi sudah menjadi luqatah (benda yang dipungut) yang akan dilakukan hukum-hukum “luqatah” atasnya.

Orang yang mendapat barang “Rikāz” wajib atasnya Mengeluarkan seperlima daripadanya, dan diserahkan kepada Baitulmal, yang akan dibelanjakan oleh pihak yang berkuasa Islam untuk kebajikan am orang Islam dan yang bakinya menjadi milik orang yang mendapatnya kalau benda itu didapati dalam tanah yang tidak bertuan. Kalau didapati dalam tanahnya sendiri maka benda itu menjadi miliknya, dan kalau pula didapati dalam tanah orang lain, maka benda itu menjadi miliknya juga jika tuan tanah yang tersebut tidak menuntutnya. Kalau tuan tanah itu menuntutnya dengan tiada mengemukakan keterangan maka benda itu menjadi milik tuan tanah setelah ia

bersumpah. Kalau pula seseorang itu mencero boh tanah orang lain dengan menggali dan mengeluarkan benda-benda yang terpendam di dalamnya maka benda itu menjadi milik tuan tanah yang tersebut, kalau pula orang itu menggali tanah yang tersebut dengan izin tuannya maka ia berhak memiliki benda itu.

Bacalah!

Sudah Terbit!

Buku-buku Syuhada’

Disusun oleh:

Edrus

- | | |
|-------------------------------------|--------|
| 1. Hamzah bin Abdul Muṭṭalib | 50 sen |
| 2. Nusaybah – Pahlawan Wanita Islam | 50 ” |
| 3. Ikrimah bin Abu Jahal | 50 ” |
| 4. Sa‘ad bin Rabi‘ | 50 ” |
| 5. Sa‘ad bin Mu‘ādh | 50 ” |
| 6. Nu‘mān bin Muqrin | 50 ” |
| 7. Ja‘far bin Abi Ṭālib | 50 ” |
| 8. Anak Abdullah Ibn Ubayy | 50 ” |
| 9. Anak Angkat Rasulullah | 50 ” |
| 10. Abu Hudhaifah bin ‘Utbah | 50 ” |

Lain-lain Buku Tawarikh

- | | |
|-------------------------------------------------------|--------|
| Sejarah ringkas Muhammad (S.A.W) (oleh Edrus) | \$1.20 |
| Bilal – (oleh Abdullah Basmeh) | 1.20 |
| Muhammad (S.A.W) (oleh Abdullah Basmeh) Empat Penggal | |
| Sepenggal | \$1.20 |

Di terbitkan oleh:

QALAM

356/358. GEYLANG ROAD,

SINGAPORE 14.
